

Bil. 31

Selasa

13 November 2018



MALAYSIA

PENYATA RASMI PARLIMEN

Parliamentary Debates

KAMAR KHAS

Special Chamber

**PARLIMEN KEEMPAT BELAS
PENGAL PERTAMA
MESYUARAT KEDUA**

KANDUNGAN

UCAPAN DI BAWAH USUL BERKENAAN PERKARA TADBIR KERAJAAN [P.M.17]:

- **Masalah Pembongkaran Kegiatan Menjual MyKad dan Pasport Malaysia di Sabah**
- *YB. Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee (Beluran)* [Halaman 1]
- **Masalah Kontrak MyEG untuk Melanjutkan PLKS Pekerja Asing**
- *YB. Tuan Sivakumar Varatharaju Naidu (Batu Gajah)* [Halaman 5]

MALAYSIA
KAMAR KHAS
PARLIMEN KEEMPAT BELAS
PENGGAL PERTAMA
MESYUARAT KEDUA
Selasa, 13 November 2018
Mesyuarat dimulakan pada pukul 2.30 petang
DOA
[Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Nga Kor Ming)
mempengerusikan Mesyuarat]

UCAPAN DI BAWAH USUL
BERKENAAN PERKARA TADBIR KERAJAAN (P.M. 17)

Pembongkaran Kegiatan Menjual MyKad dan Pasport Malaysia di Sabah

2.34 ptg.

Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee [Beluran]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, isu masalah pembongkaran kegiatan menjual MyKad dan pasport Malaysia di Sabah. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Baru-baru ini, kita dikejutkan dengan pembongkaran kegiatan menjual MyKad kepada warga asing di Kota Kinabalu, Sabah oleh Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) dengan penahanan tiga individu termasuk seorang kakitangan Jabatan Pendaftaran Negara (JPN) seperti yang disiarkan dalam akhbar baru-baru ini.

Pembongkaran sindiket terancang ini yang dimaklumkan pihak media massa turut didalangi kakitangan JPN, membuktikan betapa seriusnya kegiatan menjual MyKad di Sabah sehingga mengancam keselamatan negara. Dilaporkan, anggota sindiket ini mempunyai akses kepada pangkalan data JPN serta syarikat pengeluar MyKad dan lebih mengejutkan ada pelanggan warga China sanggup membayar sehingga sejumlah RM1.3 juta bagi mendapatkan MyKad serta pasport Malaysia.

Persoalannya, sejauh manakah kerajaan, khususnya Kementerian Dalam Negeri sedar mengenai kegiatan sindiket ini. Apakah langkah-langkah yang sudah dan akan diambil bagi mengatasi kegiatan tersebut. Pada masa yang sama, timbul juga pertanyaan daripada rakyat, mengapakah kegiatan menjual dokumen penting negara ini seperti MyKad

dan passport Malaysia tertumpu di Sabah, hingga ia memberikan tanggapan negatif kepada negeri ini. Seperti yang kita sedia maklum bahawa rakyat Sabah masih belum dapat melupakan mengenai 'Projek IC' dan walau pun Suruhanjaya Diraja sudah ditubuhkan bagi mengenal pasti isu ini serta puncanya, tetapi masih tiada lagi satu tindakan konkrit yang diambil dan berkesan oleh pihak kerajaan.

Pembongkaran kegiatan sindiket menjual MyKad ini, jelas membuktikan bahawa kerajaan khususnya KDN tidak tegas dalam memastikan segala sistem keselamatan yang bertanggungjawab terhadap pengeluaran dokumen penting negara berada dalam keadaan terbaik. Masih terdapat banyak ruang atau lompong yang boleh dimanipulasikan oleh pihak tidak bertanggungjawab untuk mengeluarkan dokumen seperti MyKad serta passport Malaysia.

Lebih menyedihkan, sudah berpuluh juta peruntukan diberikan kepada KDN dan JPN bagi memastikan supaya tahap keselamatan pangkalan data sistem-sistem ini tidak mudah ditembusi. Jika perkara ini terus berlaku dan terus berulang, apakah jaminan kepada rakyat Malaysia bahawa tahap keselamatan pengeluaran dokumen penting ini tidak disalahgunakan penjenayah yang boleh mengancam keselamatan negara khususnya di Sabah. Sekian.

2.36 ptg.

Timbalan Menteri Dalam Negeri [Dato' Mohd Azis bin Jamman]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Beluran. Saya sebenarnya mahu berpantun tetapi tidak sempat buat pantun Tuan Yang di-Pertua. So, saya baca jawapan. Kerajaan memberikan perhatian yang serius terhadap isu pengeluaran kad pengenalan secara tidak teratur oleh sindiket dan orang yang tidak bertanggungjawab, sebagaimana yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat.

Pada 17 Oktober 2018, hari Rabu, Kementerian Dalam Negeri (KDN) telah mendapati satu video bertajuk 'Warganegara Ekspres' mula tular di media sosial dan video tersebut mengandungi isu lama yang pernah dilaporkan pada tahun 2014 dan 2015 oleh wartawan Wan Noor Hayati Wan Alias melalui *YouTube ML Studios* dan akhbar *Berita Harian* bertajuk '*RM1.3J Beli MyKad*' bertarikh 6 Julai 2015, yakni hari Isnin.

KDN ingin mengesahkan bahawa semua MyKad yang terlibat dalam laporan akhbar dan wartawan berkenaan adalah palsu dan tidak dikeluarkan oleh Jabatan Pendaftaran Negara. Semakan rekod Jabatan Pendaftaran Negara mendapati kesemua maklumat yang

tular seperti nombor kad pengenalan, gambar dan cap jari pada MyKad tersebut tidak wujud dalam sistem Jabatan Pendaftaran Negara.

Ingin dijelaskan bahawa prosedur permohonan kad pengenalan di Jabatan Pendaftaran Negara adalah sebagaimana Akta Pendaftaran Negara 1959 (Akta 78) dan Peraturan-peraturan 1990 (Pindaan 2010) menghendaki setiap individu untuk hadir ke JPN supaya pengecaman biometrik cap jari dapat dilakukan dan direkodkan ke Pangkalan Data Jabatan Pendaftaran Negara. JPN tidak pernah melantik mana-mana individu atau ejen bagi menguruskan sebarang permohonan dokumen pengenalan diri kerana semua urusan seperti permohonan sijil kelahiran, kad pengenalan dan sijil warganegara perlu dilakukan oleh pemohon sendiri di Pejabat Jabatan Pendaftaran Negara.

Selain daripada itu, JPN tidak mengenakan sebarang fi ataupun bayaran yang tinggi ke atas permohonan kad pengenalan dan fi yang dikenakan adalah berpatutan yang mana permohonan MyKad kali pertama adalah percuma bagi permohonan yang dibuat dalam tempoh 30 hari daripada tarikh kelahiran pemohon manakala bayaran proses pula, hanya RM10 dikenakan sebagaimana yang ditetapkan dalam Jadual Fi di bawah Peraturan 6, Peraturan-peraturan Pendaftaran Negara 1990 (Pindaan 2010).

Sehingga kini sebanyak 77,520 kad pengenalan di negeri Sabah yang telah dibatalkan atas sebab kematian, tidak hadir untuk siasatan atau permohonan dibatalkan kerana tidak memenuhi syarat kelayakan mengikut perundangan yang berkuat kuasa. Apa jua tindakan yang diambil oleh kerajaan akan mengambil kira pandangan Jawatankuasa Induk Pengurusan Warga Asing di Sabah dan peruntukan undang-undang yang berkuat kuasa bagi memastikan keselamatan, ketenteraman dan kesejahteraan rakyat negeri Sabah tidak tergugat. Antara langkah-langkah yang telah dilaksanakan untuk membendung masalah MyKad palsu dan seterusnya menjamin keselamatan negara khususnya di negeri Sabah dan Malaysia amnya adalah seperti berikut:

- (i) mempergiatkan aktiviti intipan, risikan dan operasi penyalahgunaan dokumen palsu seperti MyKad dan dokumen-dokumen yang dikeluarkan oleh JPN;
- (ii) menjalankan penguatkuasaan secara bersepadu bersama agensi-agensi penguatkuasaan di bawah KDN secara lebih kerap;
- (iii) mengadakan Mesyuarat Jawatankuasa Induk Pengurusan Warga Asing Di Sabah (JKPWAS-INDUK) secara berkala;
- (iv) mengeluarkan aduan berkaitan pegawai/kakitangan JPN yang disyaki terlibat ke Unit Integriti (UI) dan Suruhanjaya Pencegahan Rasuah

Malaysia (SPRM) untuk siasatan lanjut serta mengambil tindakan jika didapati terbukti terlibat dengan kegiatan tersebut;

- (v) mengambil tindakan tegas dan tidak akan berkompromi terhadap pegawai/kakitangan yang didapati terlibat secara dalaman ke atas aktiviti tersebut; dan
- (vi) mengadakan kempen kepada orang ramai untuk melaporkan salah laku penguatkuasaan JPN.

■1440

Individu yang terlibat di dalam pemalsuan kad pengenalan, boleh didakwa di bawah Peraturan 25(1)(e), Peraturan-peraturan Pendaftaran Negara 1990 dan jika disabitkan kesalahan, individu terbabit boleh dijatuhkan hukuman penjara selama tempoh tidak melebihi tiga tahun atau denda tidak melebihi RM20,000 atau kedua-duanya sekali. JPN juga sedang memperhalus dan menambah baik perundangan sedia ada bagi meningkatkan keberkesanan penguatkuasaan dan juga kawal seliaan urus niaga berkaitan pengeluaran kad pengenalan.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, kualiti MyKad Struktur Baharu telah dipertingkatkan dan mempunyai ciri-ciri keselamatan bermutu tinggi dan lebih canggih seperti berikut:

- (i) ia diperbuat daripada bahan polikarbonat sepenuhnya dan telah diuji ketahanannya di makmal yang diiktiraf;
- (ii) cip MyKad Struktur Baharu melalui beberapa peringkat pengujian termasuklah sebelum proses memasukkan cip ke dalam MyKad; dan
- (iii) tulisan laser pada nama, nombor kad pengenalan dan gambar kecil (*ghost image*) yang tidak membolehkan maklumat dipinda dan sekiranya terdapat pindaan, pindaan tersebut dapat dikesan dengan mudah dan pantas.

Oleh yang demikian, keselamatan MyKad sentiasa terjamin dan tidak terancam oleh sindiket-sindiket yang berniat untuk mengeluarkan MyKad secara tidak teratur. Kementerian ingin menasihatkan mana-mana individu atau institusi yang meragui ketulenan dokumen pengenalan diri untuk merujuk kepada KDN atau JPN bagi tujuan semakan data dan pemeriksaan fizikal dokumen. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Kontrak MyEG Untuk Melanjutkan PLKS Pekerja Asing

2.42 ptg.

Tuan Sivakumar Varatharaju Naidu [Batu Gajah]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih juga diucapkan kepada Timbalan Menteri Dalam Negeri kerana sudi datang menjawab usul saya yang bertajuk masalah Kontrak MyEG Untuk Melanjutkan PLKS Pekerja Asing.

Tuan Yang di-Pertua, pada masa ini, hanya MyEG diberi kontrak untuk membuat urusan melanjutkan Pas Lawatan Kerja Sementara Pekerja Asing (PLKS). Adakah ini bermakna MyEG diberi hak eksklusif untuk melanjutkan PLKS secara '*online*'. Pada pendapat saya, ini adalah satu bentuk monopoli yang tidak sihat. Mengapakah Agensi Pekerjaan Swasta Kategori 'C' tidak diberi kelulusan untuk urusan PLKS. Apa salahnya sekiranya Agensi Pekerjaan Swasta juga turut diberi kebenaran untuk menjalankan urusan PLKS supaya satu persaingan yang sihat diamalkan, malah membolehkan urusan imigresen dilakukan tanpa melalui vendor lain.

Masalah-masalah yang timbul akibat pengurusan PLKS melalui vendor MyEG ialah seperti berikut:

- (i) kelewatan dalam proses, paling minimum dua minggu dan ada kalanya hingga enam bulan. Manakala lanjutan PLKS di Jabatan Imigresen akan selesai pada hari yang sama;
- (ii) pegawai-pegawai penguat kuasa tidak mengiktiraf surat akuan permohonan dari MyEG. Hanya surat akuan permohonan dari jabatan kerajaan akan diberi pengiktirafan. Ini mengakibatkan seseorang pekerja terpaksa ditahan dan disiasat sebelum dibebaskan dalam masa paling kurang dua minggu kerana tidak mempunyai dokumen yang sah.
- (iii) apabila terdapat urusan pertukaran pasport baru, pemohon perlu pergi ke Jabatan Imigresen terlebih dahulu untuk memindahkan maklumat dari pasport lama ke yang baru sebelum berurusan dengan vendor iaitu MyEG. Ini melambatkan dan menyukarkan proses pertukaran pasport baru;
- (iv) bagi pekerja yang terlewat untuk melanjutkan PLKS walaupun sehari disebabkan kelewatan pemeriksaan perubatan, pekerja tersebut harus mendapatkan pas khas dari Jabatan Imigresen terlebih dahulu

- sebelum berurusan dengan vendor MyEG untuk melanjutkan PLKS. Proses ini juga mengambil masa iaitu lebih kurang satu bulan disebabkan alasan terpaksa membuat pengesahan pas khas; dan
- (v) pemohon juga menghadapi masalah apabila namanya tersenarai dalam senarai syak jabatan. Proses pengesahan akan mengambil masa yang lebih lama dan selepas itu terpaksa melalui MyEG. Vendor juga akan mengambil masa yang agak lama untuk menyelesaikan masalah ini. Keseluruhan proses ini akan memakan masa paling kurang enam bulan.

Oleh yang demikian, adalah wajar untuk membolehkan pihak Agensi Pekerjaan Swasta Kategori C juga diberi kontrak untuk melanjutkan PLKS. Akhir sekali, saya ingin mengetahui sama ada pemberian kontrak kepada MyEG dibuat secara tender terbuka. Minta Yang Berhormat Menteri memberi penjelasan. Sekian, terima kasih.

2.46 ptg.

Timbalan Menteri Dalam Negeri [Dato' Mohd Azis bin Jamman]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Batu Gajah. Sistem MyEG menjalankan perkhidmatan melanjutkan Pas Lawatan Kerja Sementara (PLKS) bagi sektor pembantu rumah dan sektor-sektor lain merangkumi sektor perkilangan, pembinaan, perkhidmatan, pertanian dan perladangan secara atas talian. Perkhidmatan atas talian ini bagi menggantikan semua urusan yang sebelum ini ditawarkan oleh Jabatan Imigresen Malaysia (JIM) secara perkhidmatan di kaunter.

Perkhidmatan yang ditawarkan oleh Syarikat MyEG Services Berhad ini diberikan melalui satu kontrak induk di bawah Projek e-Khidmat kepada sebuah konsortium yang terdiri daripada MyEG Services Sendirian Berhad, Konsortium Multimedia Swasta Sendirian Berhad, Perkhidmatan Sistem Elektronik Bersepadu Sendirian Berhad dan PDX.com Sendirian Berhad.

Tempoh perjanjian kontrak induk yang turut melibatkan perkhidmatan-perkhidmatan kerajaan secara atas talian yang lain selain pembaharuan PLKS ini adalah selama 15 tahun telah tamat pada 22 Mei 2015. Sehubungan itu, Mesyuarat Jemaah Menteri pada 28 Mei 2014 dan surat daripada Kementerian Kewangan bertarikh 12 November 2014 bersetuju agar tawaran pelanjutan perjanjian Projek e-Khidmat antara pihak

MyEG *Services* Sendirian Berhad dan kerajaan bagi perkhidmatan pembaharuan PLKS dimeterai selama lima tahun bermula 23 Mei 2015 sehingga 22 Mei 2020.

Kerajaan mengambil maklum dan mengakui pelantikan syarikat secara rundingan terus ini telah menimbulkan beberapa isu dalam kalangan pengguna iaitu rakyat melalui majikan ekoran daripada prestasi perkhidmatan yang lemah.

Merujuk kepada isu-isu yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat berhubung pelaksanaan MyEG, izinkan saya untuk menjawab isu-isu yang antara lainny adalah seperti berikut:

- (i) permohonan pembaharuan PLKS oleh MyEG boleh dikemukakan tiga bulan sebelum PLKS tamat. Walau bagaimanapun, terdapat sesetengah majikan yang menunggu sehingga tarikh tamat untuk membuat permohonan dengan alasan menunggu persetujuan pekerja tersebut sama ada akan terus bekerja atau tidak. Situasi ini akan mengakibatkan berlakunya kelewatan dalam memproses permohonan oleh MyEG;
- (ii) akuan penerimaan permohonan yang dikeluarkan oleh JIM adalah sebagai bukti permohonan lanjutan PLKS yang telah dibuat. Semasa tempoh lanjutan, pihak majikan boleh mengemukakan passport atau iKad yang diberikan kepada pekerja asing sebagai bukti bahawa pekerja asing adalah pekerja yang sah dengan majikan tertentu. Berkaitan penahanan oleh Agensi Penguatkuasa, ia adalah tertakluk kepada prosedur siasatan agensi penguatkuasa tersebut bagi tujuan semakan lanjutan;
- (iii) majikan boleh mengemukakan permohonan untuk mendapatkan passport baru untuk pekerja asing mereka di Kedutaan yang berkenaan enam bulan sebelum PLKS tamat. Proses pindah endosmen di Jabatan Imigresen Malaysia hanya mengambil masa tidak lebih satu hari sekiranya maklumat yang dikemukakan teratur dan lengkap. Tiada alasan kelewatan akan berlaku sekiranya pihak majikan mematuhi peraturan yang ditetapkan; dan
- (iv) bagi pekerja yang namanya tersenarai di dalam Senarai Syak, semakan status akan dibuat oleh Jabatan Imigresen Malaysia sebelum lanjutan PLKS boleh dibuat. Majikan boleh memohon untuk

mendapatkan Pas Khas sementara menunggu PLKS boleh dikeluarkan oleh pihak MyEG.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, sistem MyEG adalah salah satu sistem sokongan (*patch-on systems*), dengan izin, yang berintegrasi dengan sistem MyIMMs yang melibatkan perolehan kerajaan. Pada masa ini, KDN dan JIM sedang bekerjasama dengan Unit Pemodenan Tadbiran dan Perancangan Pengurusan Malaysia (MAMPU) dalam proses mengkaji semula kesemua sistem-sistem sokongan tersebut termasuk sistem MyEG. Sekian, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Nga Kor Ming]: Terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri. Ahli-ahli Yang Berhormat, Mesyuarat Kamar Khas hari ini ditangguhkan sehingga jam 2.30 petang, hari Rabu, 14 November 2018.

[Kamar Khas ditangguhkan pada pukul 2.50 petang]

